



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
(SUPERSCALE A/B/C)
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
SUPERSCALE A (\$9,500 EB KHAS \$9,710 SEBULAN)
SUPERSCALE B (\$8,000 EB KHAS \$ 8,210 SEBULAN)
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Aeronautical Engineering / Artificial Intelligence & Robotics / Computing (Data Analytics) / Economics / Electrical and Electronics Engineering / Materials Engineering / Mathematical Modelling Engineering and Industry / Mathematics / Mechanical Engineering / Mechatronic and Robotic Engineering / Mechatronics Engineering / Product Design / Science / Strategic Studies* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. **BAGI TANGGA GAJI SUPERSCALE A**

- i) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Pengarah atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Superscale B atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Superscale C atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Superscale B atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Superscale C atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

3. **BAGI TANGGA GAJI SUPERSCALE B**

- i) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Pengarah/ Penolong Pengarah atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Superscale C atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

ATAU



- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Superscale C atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.

4. **BAGI TANGGA GAJI SUPERSCALE C**

- i) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Penolong Pengarah atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.
- 5. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "**Program Pembangunan Eksekutif**" di Institusi-Institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding.
 - 6. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- 1. Bertanggungjawab untuk menerajui hal ehwal pengurusan projek dan penyelidikan dan perkembangan di bawah Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST).
- 2. Bertanggungjawab dalam segala hal ehwal projek-projek perolehan keupayaan pertahanan strategik masa depan dan dalam penyelidikan dan perkembangan saintifik pertahanan;
- 3. Memastikan program perkembangan dan permodenan ketenteraan dilaksanakan selaras dengan kehendak dan keperluan perancangan strategik Kementerian Pertahanan;
- 4. Menerajui dan memastikan P3ST mencapai visi dan misi yang selaras dengan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); dan
- 5. Mengurus, memimpin dan mendukung pegawai-pegawai serta kakitangan P3ST supaya mencapai visi dan misi yang diamanahkan.